



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
(SPR)**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN  
PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**

**NO. SEBUT HARGA:  
SPR SHK 6/2021**

**TARIKH TUTUP**

**18 MAC 2021  
(KHAMIS)**

**12.00 TENGAH HARI**

**PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI  
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM  
DOKUMEN TAWARAN SEBELUM MENYERTAI SEBUTHARGA INI.  
PENYEBUTHARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK  
MEMATUHI MANA-MANA FASAL DI DALAM DOKUMEN INI BOLEH  
MENYEBABKAN SEBUTHARGA TIDAK DIPERTIMBANGKAN.**

## ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S
1.	SENARAI SEMAK DOKUMEN MANUAL	1
<b>BAHAGIAN A (NOTIS SEBUT HARGA)</b>		
2.	NOTIS SEBUT HARGA	3
<b>BAHAGIAN B (ARAHAN KEPADA PEMBEKAL)</b>		
1.	PENDAHULUAN	5
2.	TAWARAN SEBUT HARGA	5
3.	HAK KERAJAAN SEMASA TAWARAN	5
4.	PENDAFTARAN	5
5.	SYARAT-SYARAT AM	5-6
6.	HARGA	6
7.	KONTRAK	6
8.	DENDA	6-7
9.	KEPUTUSAN JAWATANKUASA PEROLEHAN MUKTAMAD	7
10.	CARA MENGEMUKAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'K'	7
11.	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'K'	8
12.	PENOLAKAN	8
13.	FI PERKHIDMATAN	8
14.	PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	8-9
15.	PERTANYAAN BERKAITAN SEBUT HARGA 'K'	9-10
16.	TARIKH TUTUP	10
<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>		
1.	JADUAL 1 : LAMPIRAN Q	11-15
2.	JADUAL 2 : JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN	16-27
3.	JADUAL 3 : JADUAL TAWARAN HARGA	28-29
4.	JADUAL 4 : LOKASI DAN ALAMAT PENGHANTARAN	30-31
5.	JADUAL 5 : BUTIRAN PENYEBUT HARGA	32-33
6.	JADUAL 6: SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA	34

## SENARAI SEMAK DOKUMEN MANUAL/HARDCOPY

Sila tandakan (√) bagi Dokumen yang telah dihantar secara **MANUAL**

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Penyebut Harga	Untuk Ditanda Oleh Urus Setia Sebut Harga
1.	<b>Jadual 1: Lampiran Q</b> – Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) serta ditandatangani.		
2.	<b>Jadual 2</b> : Jadual Pematuhan Spesifikasi Perkhidmatan		
3.	<b>Jadual 3</b> : Jadual Tawaran Harga		
4.	<b>Jadual 4</b> : Lokasi Dan Alamat Penghantaran		
5.	<b>Jadual 5</b> : Butiran Penyebut Harga		
6.	<b>Jadual 6</b> : Surat Akuan Penyebut Harga		
7.	<b>Profil Syarikat (Item No. (i) hingga (vii) adalah wajib dikemukakan)</b>		
	i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan		
	ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (jika ada)		
	iii) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat		
	iv) Surat Pengesahan Pendaftaran SST daripada Kastam Diraja Malaysia (jika ada)		
	v) Salinan Penyata Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terkini Yang Telah Disahkan		
	vi) Pengalaman Syarikat Bagi Perolehan berkaitan		

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT:</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga ini. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama : _____</p> <p>Jawatan : _____</p> <p>Tarikh : _____</p> <p>Cop Syarikat : _____</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN:</b></p> <p>Urus setia Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama : _____</p> <p>Jawatan : _____</p> <p>Tarikh : _____</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**\*\* Senarai Semakan ini perlu disertakan bersama Dokumen Sokongan Kewangan dan Teknikal, disusun mengikut aturan di atas serta dijilid dengan kemas.**

# BAHAGIAN A



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

**KENYATAAN TAWARAN**

**SPR SHK 6/2021 – MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi Sebut Harga seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Pelawaan Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga
SPR SHK 6/2021	MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA	221606	15 MAC 2021 (ISNIN) Jam 12.00 tengah hari	18 MAC 2021 (KHAMIS) Jam 12.00 tengah hari

2. Syarikat / Pembekal yang ingin menyertai Sebut Harga boleh melayari laman sesawang Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) di alamat <https://www.spr.gov.my> mulai **15 Mac 2021 (Isnin)**. Syarikat/ Pembekal boleh memuat turun dokumen Sebut harga di laman sesawang tersebut.

3. **Cadangan Sebut Harga** berserta dokumen sokongan yang lain hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat** serta dicatatkan '**CADANGAN SEBUT HARGA 'K'**' berserta **No. Sebut Harga** pada penjurong atas sebelah kiri sampul surat dialamatkan dan **dihantar dengan tangan** kepada:-

**URUS SETIA PEROLEHAN**  
**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia,**  
**Aras 7, No. 2, Jalan P2T, Presint 2,**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**  
**62100 PUTRAJAYA.**

Dokumen sebutharga yang lewat dikemukakan tidak akan diterima dan dipertimbangkan oleh Urus setia.

4. Sebarang pertanyaan berkenaan Sebut Harga ini, sila hubungi Urus setia Perolehan di talian **03-8892 7295/7296/7297/7298** untuk penjelasan lanjut.

# BAHAGIAN B

## ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Semua pembekal yang ingin menyertai sebut harga Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang seperti mana yang diiklankan.
- 1.2 Semua pembekal hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan apabila menyertai sebut harga ini. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan dan terus ditolak sekiranya gagal mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

### 2. TAWARAN SEBUT HARGA

SPR (disebut **Kerajaan**) bercadang untuk melantik pembekal (disebut **Penyebut Harga**) yang berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan tawaran sebut harga berikut:

### 3. HAK KERAJAAN SEMASA TAWARAN

- Tajuk Sebut Harga : **MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**
- Kod bidang : Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221606** yang masih berkuatkuasa.
- Tempoh Perlaksanaan : **ENAM PULUH (60) HARI DARIPADA TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DITANDATANGANI**
- Lokasi Penghantaran : **NO. 24, JALAN P10/16, TAMAN INDUSTRI SELAMAN, SEKSYEN 10, 43650 KAJANG, SELANGOR**

Kerajaan berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran sebut harga atau sebahagiannya. Kerajaan juga berhak mengubah spesifikasi sebut harga jika perlu dengan memberi notis kepada Penyebut Harga. **Keputusan Kerajaan adalah muktamad.**

### 4. PENDAFTARAN

Satu salinan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** dari Kementerian Kewangan, **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera** (*jika ada*), **Sijil Pendaftaran Syarikat dan Salinan Lesen Perniagaan** mestilah dilampirkan di dalam profil syarikat mengikut turutannya. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan tawaran sebut harga **ditolak**.

### 5. SYARAT-SYARAT AM

- 5.1 Penyebut Harga adalah dikehendaki memperakui bahawa perkhidmatan yang dibekalkan adalah mengikut penentuan atau standard (*jika ada*) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

- 5.2 Keengganan Penyebut Harga mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh menyebabkan sebut harga ditolak dan segala risiko kerugian adalah di bawah tanggungjawab Penyebut Harga.
- 5.3 Kerajaan adalah berhak untuk memilih sama ada untuk membeli keseluruhan atau sebahagian dari perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyebut Harga.

## 6. HARGA

- 6.1 Semua harga yang ditawarkan hendaklah tetap dalam **RINGGIT MALAYSIA** dan tempoh sah tawaran sebut harga adalah **90 hari** dari tarikh sebut harga ditutup manakala kos penyediaannya adalah tanggungjawab Penyebut Harga sendiri.
- 6.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **tawaran harga tidak termasuk kenaan SST.**

## 7. KONTRAK

- 7.1 Notis bertulis akan diberi kepada Penyebut Harga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui.
- 7.2 Kerajaan tidak terikat untuk mempersetujui sebut harga yang terendah tawaran harganya atau mana-mana sebut harga jua pun. Kerajaan tidak berkewajipan memberi apa-apa alasan bagi penolakan sebarang sebut harga dan keputusan Kerajaan mengenainya adalah muktamad.
- 7.3 Penyebut Harga yang berjaya akan menandatangani kontrak (*jika ada*) dengan Kerajaan dan perlu membayar segala ganti rugi jika tidak mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam kontrak.

## 8. DENDA

- 8.1 Pembekal dikehendaki melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan. Sekiranya pembekal gagal melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh dan kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan \*Denda/Tolakan/Liquidated & Ascertained Damages (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

- 8.2 Kadar bagi denda bekalan adalah seperti berikut:

$$\text{Denda: } \frac{V(T+D) \times 5\%}{T}$$

V : Nilai harga barang yang lewat dibekalkan

T : Tempoh bekalan mengikut kontrak (dalam hari)

D : Bilangan hari yang lewat

- 8.3 Kerajaan berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh pembekal dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.



- 8.4 Sekiranya Kerajaan mendapati pembekal masih gagal meremedikan atau menyempurnakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah ini selepas tempoh yang ditetapkan, Kerajaan adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada Pembekal.

## 9. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PEROLEHAN MUKTAMAD

Keputusan pemilihan sebut harga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan sebut harga tidak akan dilayan.

## 10. CARA MENGEMUKAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'K'

- 10.1 Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap, kemas, terang dan seboleh-bolehnya hendaklah ditaip. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, Penyebut Harga boleh menggunakan kertas tambahan dan mesti ditandatangani setiap helaian kertas tambahan tersebut. **Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang mestilah ditandatangani ringkas dengan tarikh oleh Penyebut Harga.**
- 10.2 Cadangan sebut harga dan dokumen-dokumen berkaitan **MESTI** dikemukakan dalam **satu (1) set DOKUMEN ASAL** dan **satu (1) set SALINAN PENDUA**. Setiap sampul surat yang dihantar hendaklah ditandakan di sudut sebelah atas kiri dengan perkataan '**CADANGAN SEBUT HARGA 'K'**' berserta '**NOMBOR SEBUT HARGA 'K'**'. Pihak Kerajaan berhak untuk menolak sebarang cadangan sebut harga yang tidak lengkap dan tidak mematuhi perkara yang dinyatakan.
- 10.3 Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan atau percanggahan maklumat, pihak Kerajaan akan merujuk kepada **dokumen ASAL** untuk diterima pakai.
- 10.4 Penyebut Harga **mestilah** melengkapkan maklumat yang terkandung di dalam semua Jadual yang tersenarai dibawah ini. Setiap set dokumen yang dihantar **mestilah** mengandungi serta mengikuti susunan perkara-perkara seperti berikut dan sebut harga hendaklah dikemukakan dalam sampul surat iaitu:

### i) Senarai Cadangan Sebut Harga 'K'

BIL	JADUAL	KETERANGAN
1	JADUAL 1	Lampiran Q (Kew.284-Pin.2/94)
2	JADUAL 2	Jadual Pematuhan Spesifikasi Perkhidmatan
3	JADUAL 3	Jadual Tawaran Harga
4	JADUAL 4	Lokasi Dan Alamat Penghantaran
5	JADUAL 5	Butiran Penyebut Harga
6	JADUAL 6	Surat Akuan Penyebut Harga
7	PROFIL SYARIKAT (perkara (i) hingga (vi) adalah wajib disertakan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan</li> <li>ii) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (jika ada)</li> <li>iii) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat</li> <li>iv) Surat Pengesahan Pendaftaran GST daripada Kastam Diraja Malaysia (jika ada)</li> <li>v) Salinan Penyata Bank Bagi <b>Tiga (3) Bulan</b> Terakhir Yang Telah Disahkan</li> <li>vi) Pengalaman Syarikat Bagi Perolehan berkaitan</li> </ul>

## 11. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA 'K'

Borang-borang yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani hendaklah dicatatkan pada bahagian atas kiri sampul surat tersebut dengan butiran yang berikut;

### **CADANGAN SEBUT HARGA SPR SHK 6/2021 – MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**

**DITUTUP PADA 18 MAC 2021 (KHAMIS), JAM 12.00 TENGAH HARI**

Semua dokumen manual sebut harga hendaklah dihantar kepada:

**Urus Setia Perolehan,  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia,  
Aras 7, Menara SPR,  
No 2, Jalan P2T, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 W.P Putrajaya.**

## 12. PENOLAKAN

Keengganan Penyebut Harga mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh menyebabkan sebut harga ditolak di atas risiko perbelanjaan sendiri.

## 13. FI PERKHIDMATAN

### (a) **Kadar Fi Perkhidmatan 0.8%**

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment); dan

### (b) **Kadar Fi Perkhidmatan 0.4%**

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) sama ada melalui Jadual Penghantaran (*Delivery Schedule*), Pencapaian Perkhidmatan (*Milestone*), Bayaran Kemajuan (*Progressive Payment*) atau mengikut permintaan (*as-and-when-required*) yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.

## 14. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

14.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan projek ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) :

*Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with the project is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

- 14.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

*If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

- 14.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut Harga atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

*Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

- 14.4 Mana-mana Penyebut Harga atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan projek ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

*Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this project although no work was carried out or no goods were supplied in accordance with the prescribed specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).*

## 15. PERTANYAAN BERKAITAN SEBUT HARGA 'K'

Sebarang pertanyaan berkaitan sebutharga ini hendaklah dirujuk kepada:

### **BAHAGIAN KEWANGAN DAN AM**

- i) **ENCIK FIRDAUS BIN HAYOT**  
Penolong Setiausaha (Perolehan)  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Tel : 03 – 8892 7239  
Faks : 03 – 8892 7354  
E-mel : [firdaus@spr.gov.my](mailto:firdaus@spr.gov.my)
- ii) **PUAN SHAHRIDA BINTI AHMAD BASRI**  
Pembantu Tadbir (Perolehan) 1  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Tel : 03 – 8892 7298  
Faks : 03 – 8892 7354  
E-mel : [shahrida@spr.gov.my](mailto:shahrida@spr.gov.my)

## **BAHAGIAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

- i) **ENCIK WAN MOHD ADILIN BIN WAN MOHAMAD**  
Penolong Setiausaha (Aset)  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Tel : 03 – 8892 7247  
Faks : 03 – 8892 7001  
E-mel : [adilin@spr.gov.my](mailto:adilin@spr.gov.my)

### **16. TARIKH TUTUP TAWARAN SEBUT HARGA**

Tarikh tutup adalah pada jam **12.00 tengah hari, 18 Mac 2021, (Khamis)**.

**LAMPIRAN Q**  
**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga: **SPR SHK 6/2021**

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI PUTRAJAYA**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
.....	Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
.....	<b>SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA</b>
.....	<b>ARAS 7, NO.2, JALAN P2T, PRESINT 2</b>
	<b>PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN</b>
	<b>PERSEKUTUAN</b>
	<b>62100 PUTRAJAYA</b>
No.Telefon: .....	No. Telefon: <b>03-8892 7000</b>
No. Pendaftaran dengan Kewangan Kementerian .....	
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini <b>221606</b>	Tarikh: <b>15 MAC 2021</b>

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan Seperti dalam spesifikasi.
- 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki Seperti Dokumen Sebut Harga
- 1.3. Arahan pengiriman Peti Sebut Harga, Aras 7, Unit Kewangan dan Perolehan
- 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **SPR SHK 6/2021 - MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**
- 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari **18 MAC 2021 (KHAMIS).**
- 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: 15/3/2021

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: **FIRDAUS BIN HAYOT**  
Perolong Setiausaha (Perolehan)  
Suruhanjaya Pilihan Raya  
Malaysia

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	SPR SHK 6/2021 - MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA  Tempoh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan ialah  ..... (bilangan hari)  * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.		SEPERTI JADUAL 3 DOKUMEN SEBUT HARGA		
				JUMLAH	_____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ditawarkan ialah ..... (bilangan hari)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
 Penyebut Harga : .....

Nama dan K/P : .....

Alamat Syarikat : .....

Tarikh : .....

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana- mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

### **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

### **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## 9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan

## 10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## 11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## 12. **DASAR PENGGUNAAN BAHAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN**

Pembekal hendaklah menggunakan bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan sepenuhnya dalam perolehan Kerajaan seperti peraturan yang ditetapkan. Bahan/barangan tempatan adalah bahan/barangan yang dibuat dan/atau yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan melalui aktiviti pengilang. Definisi pengilang dan aktiviti pengilangan adalah seperti berikut:

- a) "Pengilang" adalah bermaksud sesuatu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang mengambil bahagian dan/atau menjalankan aktiviti pengilangannya di dalam Malaysia dan bertanggungjawab ke atas kualiti bahan/barangan yang berkenaan; dan
- b) "Aktiviti Pengilang" adalah bermaksud membuat dan/atau mengeluarkan apa-apa bahan/barangan berdasarkan kepada penggunaan dan termasuklah memasang bahagian-bahagian melalui proses pengilangan.



## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **13. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **14. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### **15. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **16. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan. SPR tidak akan mengeluarkan sebarang surat pengecualian cukai selaras dengan Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) kecuali bagi barangan daripada pengilang berdaftar dan yang diimport ke dalam Malaysia melainkan petroleum dan kenderaan import.

### **17. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **18. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

SPR SHK 6/2021 MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA

**ARAHAN:** PENYEBUT HARGA **WAJIB** MENJAWAB RUANGAN “KEAKURAN” DAN “BUTIRAN TAWARAN PENYEBUT HARGA” DI RUANGAN YANG TELAH DISEDIAKAN. KEGAGALAN MENGISI RUANGAN TERSEBUT AKAN MENYEBABKAN TAWARAN PENYEBUT HARGA DITOLAK.

BIL	PERKARA	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMBUNGKUSAN	KUANTITI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PEMBEKAL
1	Beg Plastik Dakwat Pilihan Raya Sebelum (Hitam)	Saiz : 24.5 cm X 46.7 cm Teks : White Printing	1 BUNGKUS = 1,000 PLASTIK	50,000		
2	Beg Plastik Dakwat Pilihan Raya Selepas (Putih)	Saiz : 25.3 cm X 45.4 cm Teks : Black Printing	1 BUNGKUS = 1,000 PLASTIK	50,000		
3	Fail Untuk Penamaan Calon Parlimen	Saiz : 58.2 cm X 33 cm Teks : Dakwat: 1c X 0c (Hitam) / Cetakan Sebelah	1 REAMS = 100 FAIL 1 KOTAK = 4 REAMS	5,000		
4	Fail Untuk Penamaan Calon DUN	Saiz : 58.3 cm X 33 cm Teks : Dakwat: 1c X 0c (Hitam) / Cetakan Sebelah	1 REAMS = 100 FAIL 1 KOTAK = 4 REAMS	10,000		
5	Senarai Semak Kertas Penamaan Calon Parlimen	Saiz : A5 - 14.8 cm X 21 cm / Tegak Teks : Senarai Semak – Pink Printing 80 gsm Kertas : Color Printing Pink 80 gsm	1 SET PENAMAAN CALON (P)	6,000 Set		
6	Sampul Set Borang Penamaan Calon Parlimen	Saiz : 38 cm X 25.3 cm Teks : White Printing 100gsm + Background Warna Pink Dan Teks Dakwat Hitam (Spt Contoh)	1 SET PENAMAAN CALON (P)			

BIL	PERKARA	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMBUNGKUSAN	KUANTITI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PEMBEKAL	
7	Borang 4	Saiz : 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam / Cetakan Sebelah Kertas : Color Printing White 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (P)				
8	Contoh Pengisian Borang 4	Saiz : 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat : 1c X 0c (Hitam) / Cetakan Sebelah Kertas : Color Printing White 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (P)				
9	Borang 5	Saiz : A4 - 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam / Cetakan Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (P)				
10	Borang SPR 766 Borang Maklumat Tambahan Calon (P)	Saiz : A4 - 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam / Cetakan Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (P)				
11	SPR 715 Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya Parlimen	Saiz : 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam Cetak Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (P)				
12	Senarai Semak Kertas Penamaan Calon DUN	Saiz : A5 - 14.8 cm X 21 cm / Tegak Teks : Senarai Semak – White Printing 80gsm Kertas : White Printing 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (N)		14,000 Set		
13	Sampul Set Borang Penamaan Calon DUN	Saiz : 38 cm X 25.3 cm Teks : White Printing 100gsm + Background Warna Pink Dan Teks Dakwat Hitam (Spt Contoh)	1 SET PENAMAAN CALON (N)				

BIL	PERKARA	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMBUNGKUSAN	KUANTITI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PEMBEKAL
14	Borang 4a	Saiz: A4 21 cm X 29.7 cm Teks: Dakwat: 1c X 0c (Hitam) / Cetakan Sebelah Kertas: Color Printing Pink 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (N)			
15	Contoh Pengisian Borang 4a	Saiz : A4 - 21 cm X 29.7 cm Teks : Dakwat : 1c X 0c (Hitam) / Cetakan Sebelah Kertas : Color Printing Pink 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (N)			
16	Borang 5a	Saiz : 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat : 1c X 0c (Hitam) / Cetakan Sebelah Kertas : Colour Printing Pink 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (N)			
17	Borang SPR 766 Borang Maklumat Tambahan Calon (N)	Saiz : A4 - 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam / Cetakan Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (N)			
18	Spr 715a Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya Parlimen	Saiz : 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam Cetakan Sebelah Kertas : Color Printing 80gsm	1 SET PENAMAAN CALON (N)			
19	Sampul Surat "A" DUN	Saiz : 12.7 cm X 8.9 cm Teks : Dakwat Hitam Cetakan Sebelah Kertas : Pink Printing 80gsm	1 KOTAK = 1,000	500,000		
20	Sampul Surat "A" Parlimen	Saiz : 12.7 cm X 8.9 cm Teks : Dakwat Hitam Cetakan Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 KOTAK = 1,000	500,000		

BIL	PERKARA	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMBUNGKUSAN	KUANTITI	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	CADANGAN PEMBEKAL
21	Sampul Keutamaan "B" DUN	Saiz : 12.7 cm X 8.9 cm Teks : Dakwat Merah Cetakan Sebelah Kertas : Pink Printing 80gsm	1 KOTAK = 1,000	500,000		
22	Sampul Keutamaan "B" Parlimen	Saiz : 15.8 cm X 10.8 cm / Bujur Teks : Dakwat Merah Cetakan Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 KOTAK = 1,000 SAMPUL	500,000		
23	Sampul-Sampul "Keutamaan"	Saiz : 21.5 cm X 14 cm / Bujur Teks : Dakwat Hitam Cetakan Sebelah Kertas : Brown Printing 80gsm	1 KOTAK = 500 SAMPUL	500,000		
24	Borang "A" : Borang Sumpah Kerahsiaan	Saiz : 21 cm X 29.7 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam Cetak Dua Belah Kertas : Color Printing Pink 80gsm	1 REAMS = 500 HELAI 1 KOTAK = 4 REAMS	2,000		
25	Borang 3 - Notis Memilih Ahli Parlimen/DUN	Saiz : 45.3 cm X 63 cm / Tegak Teks : Dakwat Hitam Cetak Sebelah Kertas : White Printing 100gsm	1 REAMS = 200 HELAI	7,000		
26	Sampul Khas (Mengundi Di Tingkat Bawah)	Saiz : 22.7 cm X 16 cm / Bujur Teks : Dakwat Hitam Cetak Sebelah Kertas : White Printing 80gsm	1 KOTAK = 500 SAMPUL	200,000		
27	Pembuatan <b>dilaksana di dalam Malaysia sahaja</b>					

\*\*Penyebutharga boleh menggunakan lampiran tambahan sekiranya ruang "catatan/cadangan penyebutharga" tidak mencukupi

Adalah dengan ini disahkan bahawa **Jadual Pematuhan Spesifikasi Perkhidmatan (JADUAL 2)** di atas adalah benar dan akan dipatuhi keseluruhannya.

.....  
(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama:

No. KP:

Alamat:

No. Telefon:

Cop Syarikat:

.....  
(Tandatangan Saksi)





Nama:





No. KP:

Alamat:





No. Telefon:





Pembekal hendaklah menghantar sampel bagi perolehan sebut harga ini.






BIL	PERKARA	GAMBAR
1.	<p><b>BEG PLASTIK DAKWAT PILIHAN RAYA SEBELUM (HITAM)</b>                      SAIZ : 24.5 CM x 46.7 CM                      TEKS : WHITE PRINTING</p>	
2.	<p><b>BEG PLASTIK DAKWAT PILIHAN RAYA SELEPAS (PUTIH)</b>                      SAIZ : 25.3 CM x 45.4 CM                      TEKS : BLACK PRINTING</p>	
3.	<p><b>FAIL UNTUK PENAMAAN CALON PARLIMEN</b>                      SAIZ : 58.2 CM x 33 CM                      TEKS : DAKWAT: 1C X 0C (HITAM) / CETAKAN SEBELAH</p>	
4.	<p><b>FAIL UNTUK PENAMAAN CALON DUN</b>                      SAIZ : 58.3 CM x 33 CM                      TEKS : DAKWAT: 1C X 0C (HITAM) / CETAKAN SEBELAH</p>	






BIL	PERKARA	GAMBAR
5.	<p><b>SENARAI SEMAK KERTAS PENAMAAN CALON PARLIMEN</b></p> <p>SAIZ : A5 - 14.8 CM x 21 CM / TEGAK</p> <p>TEKS : SENARAI SEMAK – PINK PRINTING 80 GSM</p> <p>KERTAS: COLOR PRINTING PINK 80GSM</p>	
6.	<p><b>SAMPUL SET BORANG PENAMAAN CALON PARLIMEN</b></p> <p>SAIZ : 38CM X 25.3CM</p> <p>TEKS : WHITE PRINTING 100 GSM + BACKGROUND WARNA PINK DAN TEKS DAKWAT HITAM (SPT CONTOH)</p>	
7.	<p><b>BORANG 4</b></p> <p>SAIZ : 21 CM x 29.7 CM / TEGAK</p> <p>TEKS : DAKWAT HITAM / CETAKAN SEBELAH</p> <p>KERTAS : COLOR PRINTING WHITE 80GSM</p>	
8.	<p><b>CONTOH PENGISIAN BORANG 4</b></p> <p>SAIZ : 21 CM x 29.7 CM / TEGAK</p> <p>TEKS : DAKWAT : 1C X 0C (HITAM) / CETAKAN SEBELAH</p> <p>KERTAS : COLOR PRINTING WHITE 80GSM</p>	



BIL	PERKARA	GAMBAR
9.	<p><b>BORANG 5</b>  <b>SAIZ : A4 - 21 CM x 29.7 CM / TEGAK</b>  <b>TEKS : DAKWAT HITAM / CETAKAN</b>  <b>SEBELAH</b>  <b>KERTAS : WHITE PRINTING 80GSM</b></p>	
10.	<p><b>BORANG SPR 766 BORANG</b>  <b>MAKLUMAT TAMBAHAN CALON (P)</b>  <b>SAIZ : A4 - 21 CM x 29.7 CM / TEGAK</b>  <b>TEKS : DAKWAT HITAM / CETAKAN</b>  <b>SEBELAH</b>  <b>KERTAS : WHITE PRINTING 80GSM</b></p>	
11.	<p><b>SPR 715A BORANG DEPOSIT BAHAN</b>  <b>KEMPEN PILIHAN RAYA PARLIMEN</b>  <b>SAIZ : 21 CM x 29.7 CM / TEGAK</b>  <b>TEKS : DAKWAT HITAM CETAK</b>  <b>SEBELAH</b>  <b>KERTAS : WHITE PRINTING 80GSM</b></p>	
12.	<p><b>SENARAI SEMAK KERTAS PENAMAAN</b>  <b>CALON DUN</b>  <b>SAIZ : A5 - 14.8 CM x 21 CM / TEGAK</b>  <b>TEKS: SENARAI SEMAK – WHITE</b>  <b>PRINTING 80 GSM</b>  <b>KERTAS : WHITE PRINTING 80GSM</b></p>	

BIL	PERKARA	GAMBAR
13.	<p><b>SAMPUL SET BORANG PENAMAAN CALON DUN</b></p> <p>SAIZ : 38CM X 25.3CM</p> <p>TEKS : WHITE PRINTING 100 GSM + BACKGROUND WARNA PINK DAN TEKS DAKWAT HITAM (SPT CONTOH)</p>	
14.	<p><b>BORANG 4A</b></p> <p>SAIZ: A4 21CM X 29.7CM</p> <p>TEKS: DAKWAT: 1C X 0C (HITAM) / CETAKAN SEBELAH</p> <p>KERTAS: COLOR PRINTING PINK 80GSM</p>	
15.	<p><b>CONTOH PENGISIAN BORANG 4A</b></p> <p>SAIZ : A4 - 21 CM x 29.7 CM</p> <p>TEKS : DAKWAT : 1C X 0C (HITAM) / CETAKAN SEBELAH</p> <p>KERTAS : COLOR PRINTING PINK 80GSM</p>	
16.	<p><b>BORANG 5A</b></p> <p>SAIZ : 21 CM x 29.7 CM / TEGAK</p> <p>TEKS : DAKWAT : 1C X 0C (HITAM) / CETAKAN SEBELAH</p> <p>KERTAS : COLOUR PRINTING PINK 80GSM</p>	

BIL	PERKARA	GAMBAR
17.	<p><b>BORANG SPR 766 BORANG MAKLUMAT CALON (N)</b>            SAIZ : A4 - 21 CM x 29.7 CM / TEGAK            TEKS : DAKWAT HITAM / CETAKAN SEBELAH            KERTAS : WHITE PRINTING 80GSM</p>	
18.	<p><b>SPR 715 BORANG DEPOSIT BAHAN KEMPEN PILIHAN RAYA DUN</b>            SAIZ : 21 CM x 29.7 CM / TEGAK            TEKS : DAKWAT HITAM CETAKAN SEBELAH            KERTAS : COLOR PRINTING 80GSM</p>	
19.	<p><b>SAMPUL SURAT "A" DUN</b>            SAIZ : 12.7 CM x 8.9 CM            TEKS : DAKWAT HITAM CETAKAN SEBELAH            KERTAS : PINK PRINTING 80 GSM</p>	
20.	<p><b>SAMPUL SURAT "A" Parlimen</b>            SAIZ : 12.7 CM x 8.9 CM            TEKS : DAKWAT HITAM CETAKAN SEBELAH            KERTAS : WHITE PRINTING 80 GSM</p>	
21.	<p><b>SAMPUL KEUTAMAAN "B" DUN</b>            SAIZ : 12.7 CM x 8.9 CM            TEKS : DAKWAT MERAH CETAKAN SEBELAH            KERTAS : PINK PRINTING 80 GSM</p>	

BIL	PERKARA	GAMBAR
22.	<b>SAMPUL KEUTAMAAN "B" Parlimen</b> SAIZ : 15.8 CM x 10.8 CM / BUJUR TEKS : DAKWAT MERAH CETAKAN SEBELAH KERTAS : WHITE PRINTING 80 GSM	
23.	<b>SAMPUL-SAMPUL "KEUTAMAAN"</b> SAIZ : 21.5 CM x 14 CM / BUJUR TEKS : DAKWAT HITAM CETAKAN SEBELAH KERTAS : BROWN PRINTING 80GSM	
24.	<b>BORANG "A" : Borang Sumpah Kerahsiaan</b> SAIZ : 21 CM x 29.7 CM / TEGAK TEKS : DAKWAT HITAM CETAK DUA BELAH KERTAS : COLOR PRINTING PINK 80GSM	
25.	<b>BORANG 3 - Notis Memilih Ahli PARLIMEN/DUN</b> SAIZ : 45.3 CM x 63 CM / TEGAK TEKS : DAKWAT HITAM CETAK SEBELAH KERTAS : WHITE PRINTING 100 GSM	
26.	<b>SAMPUL KHAS (MENGUNDI DI TINGKAT BAWAH)</b> SAIZ : 22.7 CM x 16 CM / BUJUR TEKS : DAKWAT HITAM CETAK SEBELAH KERTAS : WHITE PRINTING 80 GSM	

**\*\*Catatan:**

Untuk makluman contoh kotak SPR ada dipamerkan di:

**Kaunter Lobi, Aras G  
Menara SPR  
No. 2, Jalan P2T  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya**

**PERHATIAN:**

*Semua produk/sampel boleh dituntut dalam tempoh satu (1) bulan selepas keputusan sebut harga dikeluarkan. Sekiranya produk/sampel tidak dituntut dalam tempoh tersebut, SPR tidak akan bertanggungjawab dan produk/sampel tersebut dianggap menjadi hak milik SPR sepenuhnya.*

**JADUAL TAWARAN HARGA**

**SPR SHK 6/2021 MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
1	Beg Plastik Dakwat Pilihan Raya Sebelum (Hitam)	50,000		
2	Beg Plastik Dakwat Pilihan Raya Selepas (Putih)	50,000		
3	Fail Untuk Penamaan Calon Parlimen	5,000		
4	Fail Untuk Penamaan Calon DUN	10,000		
5	Senarai Semak Kertas Penamaan Calon Parlimen	6,000 Set		
6	Sampul Set Borang Penamaan Calon Parlimen			
7	Borang 4			
8	Contoh Pengisian Borang 4			
9	Borang 5			
10	Borang SPR 766 Borang Maklumat Tambahan Calon (P)			
11	SPR 715 Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya Parlimen	14,000 Set		
12	Senarai Semak Kertas Penamaan Calon DUN			
13	Sampul Set Borang Penamaan Calon DUN			
14	Borang 4a			
15	Contoh Pengisian Borang 4a			
16	Borang 5a			
17	Borang SPR 766 Borang Maklumat Tambahan Calon (N)			
18	Spr 715a Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya Parlimen			
19	Sampul Surat "A" DUN	500,000		

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
20	Sampul Surat "A" Parlimen	500,000		
21	Sampul Keutamaan "B" DUN	500,000		
22	Sampul Keutamaan "B" Parlimen	500,000		
23	Sampul-Sampul "Keutamaan"	500,000		
24	Borang "A" : Borang Sumpah Kerahsiaan	2,000		
25	Borang 3 - Notis Memilih Ahli Parlimen/DUN	7,000		
26	Sampul Khas (Mengundi Di Tingkat Bawah)	200,000		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,844,000</b>		

**\*\*PERHATIAN: TAWARAN HARGA ADALAH TIDAK TERMASUK KENAAN SST**

Adalah dengan ini disahkan bahawa **Jadual Tawaran Harga (JADUAL 3)** di atas adalah benar dan dipersetujui.

.....  
(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama:

No. KP:

Alamat:

No. Telefon:

Cop Syarikat:

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama:

No. KP:

Alamat:

No. Telefon:

**LOKASI DAN ALAMAT PENGHANTARAN**

**SPR SHK 6/2021 MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**

BIL	ALAMAT PENGHANTARAN	PERKARA	BILANGAN (UNIT)	TEMPOH PENGHANTARAN (BILANGAN HARI)	PEMATUHAN PENYEBUT HARGA	
1.	No. 24, Jalan P10/16, Taman Industri Selaman Seksyen 10 43650 Kajang, Selangor	Beg Plastik Dakwat Pilihan Raya Sebelum (Hitam)	50,000			
		Beg Plastik Dakwat Pilihan Raya Selepas (Putih)	50,000			
		Fail Untuk Penamaan Calon Parlimen	5,000			
		Fail Untuk Penamaan Calon DUN	10,000			
		Senarai Semak Kertas Penamaan Calon Parlimen	6,000 Set			
		Sampul Set Borang Penamaan Calon Parlimen				
		Borang 4				
		Contoh Pengisian Borang 4				
		Borang 5				
		Borang SPR 766 Borang Maklumat Tambahan Calon (P)				
		SPR 715 Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya Parlimen				
		Senarai Semak Kertas Penamaan Calon DUN	14,000 Set			
Sampul Set Borang Penamaan Calon DUN						



BIL	ALAMAT PENGHANTARAN	PERKARA	BILANGAN (UNIT)	TEMPOH PENGHANTARAN (BILANGAN HARI)	PEMATUHAN PENYEBUT HARGA
	No. 24, Jalan P10/16, Taman Industri Selaman Seksyen 10 43650 Kajang, Selangor	Borang 4a			
		Contoh Pengisian Borang 4a			
		Borang 5a			
		Borang SPR 766 Borang Maklumat Tambahan Calon (N)			
		Spr 715a Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya Parlimen			
		Sampul Surat "A" DUN	500,000		
		Sampul Surat "A" Parlimen	500,000		
		Sampul Keutamaan "B" DUN	500,000		
		Sampul Keutamaan "B" Parlimen	500,000		
		Sampul-Sampul "Keutamaan"	500,000		
		Borang "A" : Borang Sumpah Kerahsiaan	2,000		
		Borang 3 - Notis Memilih Ahli Parlimen/DUN	7,000		
		Sampul Khas (Mengundi Di Tingkat Bawah)	200,000		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>2,844,000</b>		

**BUTIRAN PENYEBUT HARGA**

**\*PERHATIAN**  
 TUAN / PUAN ADALAH DIPOHON UNTUK MELENGKAPKAN BORANG INI DENGAN MENGGUNAKAN **HURUF BESAR**

**1. PENYEBUT HARGA**

NAMA	
ALAMAT TETAP	
ALAMAT SEMASA	
NO. TELEFON	
NO. SIJIL PERNIAGAAN	
BENTUK PERNIAGAAN : (PERKONGSIAN/TUNGGAL/ BERHAD/ SENDIRIAN BERHAD)	

**2. PENGALAMAN - Butiran tempat berkhidmat dalam perkhidmatan mencetak dokumen pilihan raya (Sila gunakan lampiran lain jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi).**

BIL	TEMPAT BERKHIDMAT	TEMPOH BERKHIDMAT (CONTOH : 2019 – 2020)
1.		
2.		
3.		
4.		

**3. SEJARAH KONTRAK DENGAN KERAJAAN**

Jika pihak tuan / puan pernah mengikat kontrak dengan mana-mana pihak kerajaan, adakah pihak tuan / puan pernah digantung atau ditamatkan kontrak?

YA

TIDAK

**SAYA MENGAKUI BAHAWA SEGALA KETERANGAN DI ATAS ADALAH BENAR. JIKA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN TIDAK BENAR ATAU TIDAK LENGKAP, MAKA SAYA BERSETUJU SEBUT HARGA SAYA INI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

.....  
(TANDATANGAN PENYEBUT HARGA)

.....  
(COP SYARIKAT / PENYEBUT HARGA)

TARIKH : .....

**LAMPIRAN F**  
(Lampiran A1-SAP bertarikh 1 April 2010)

**SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA**  
**Bagi**  
**SPR SHK 6/2021 MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOKUMEN PILIHAN**  
**RAYA UNTUK KEGUNAAN PILIHAN RAYA**

Saya, .....Nombor K.P..... yang mewakili ..... Nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
( )

Cop Syarikat :

- i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama **Surat Perwakilan Kuasa**

